

Headline	Berbasikal pun caj RM10		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	43	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,211
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,633



'Berbasikal pun caj RM10'

KEPONG: "Sangat tidak masuk akal apabila harga untuk pengguna basikal masuk ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dinaikkan dari RM3 kepada RM10," kata Saiful Izwan Mat Sahar, 31.

Dia dan rakan yang sering berkunjung ke situ untuk berbasikal sejak setahun lalu terkejut apabila tiket masuk dinaikkan berganda sejak awal tahun ini.

Menurutnya, kenaikan itu tidak seharusnya berlaku kerana FRIM sepatutnya menggalakkan masyarakat melakukan aktiviti berfaedah seperti berbasikal.

"Saya terkejut ketika hendak membeli tiket masuk, pekerja memberitahu harga dinaikkan sejak 1 Januari lalu namun dikuatkuasakan pada 8 Januari.

"Bagi saya kenaikan ini membebankan, bayangkan

jika dihitung sebulan kami membayar RM80 jika masuk hanya lapan kali demi melakukan aktiviti berbasikal yang sesuai dibuat di kawasan seperti ini," katanya.

Seorang lagi penunggang basikal, Hafizin Hamdan, 36, berkata, dia terkilan dengan kenaikan itu malah mendapati hanya tiket masuk basikal dinaikkan sedangkan pengguna lain seperti motosikal dan kereta kekal.

"Apa juga alasan mereka, kami minta fikirkan kesannya kepada orang ramai," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengurusan Korporat FRIM, Norhayati Nordin ketika dihubungi berkata, selepas menerima banyak aduan daripada orang ramai mengenai kenaikan harga tiket pihaknya memutuskan mengekalkan harga asal seperti sebelum ini iaitu RM3.